



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **TEKS UCAPAN**

**YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL**

**SEMPENA LAWATAN KE YAYASAN ORPHANCARE**

**13 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)**

**ORPHANCARE FOUNDATION, PETALING JAYA, SELANGOR**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnianya dapat saya berada di Yayasan Orphancare pada hari ini bagi meninjau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dengan kumpulan sasaran penting Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) iaitu kanak-kanak.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

2. Saya tertarik dengan moto dan prinsip asas Yayasan Orphancare iaitu “Setiap Anak Memerlukan Keluarga”. Ini jelas menunjukkan objektif utama keberadaan Yayasan Orphancare iaitu untuk memberikan setiap anak di sini peluang memiliki sebuah keluarga yang akan menyayangi dan menjaga mereka dengan penuh kasih sayang. Sesungguhnya misi yang dijanjikan iaitu “memberikan sebuah keluarga” tidaklah semudah mengucapkannya tetapi saya yakin tersemat satu harapan menggunung di setiap mereka yang bertugas di Yayasan Orphancare, Insyallah.
3. Selain usaha ke arah memberikan perlindungan dan pemeliharaan yang terbaik bagi kanak-kanak, saya difahamkan Yayasan Orphancare juga bekerja keras untuk mengubah persepsi masyarakat bahawa menempatkan anak-anak di rumah anak-anak yatim

bukanlah satu jalan penyelesaian yang muktamad kepada anak-anak yang tidak diingini.

4. Keadaan sosial dan ekonomi yang tidak menentu ditambah pula dengan bebanan perasaan malu serta perasaan bersalah dan takut terhadap hukuman dan penerimaan masyarakat sekeliling mungkin menjadi penyebab bagi mereka yang terlibat untuk membuat keputusan menempatkan bayi mereka di sini.
5. Ternyata perkhidmatan yang ditawarkan kepada anak-anak ini adalah sekadar langkah jangka masa pendek dan sementara sebelum ditempatkan semula bersama keluarga atau diserahkan kepada satu keluarga yang baharu. Semestinya penempatan sementara sebegini jauh lebih baik daripada dijumpai terbuang dan dalam beberapa kes menyayat hati, tidak dapat diselamatkan.
6. Pada tahun 2017 sahaja, laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 120 kes pembuangan bayi telah dilaporkan, di mana hanya 41 bayi ditemui dalam keadaan selamat dan 79 (65.8%) dijumpai telah meninggal dunia. Manakala, sebanyak 49 pembuangan bayi direkodkan pada Januari hingga April 2018 dengan

17 bayi ditemui hidup dan 32 (65.3%) bayi ditemui telah meninggal dunia.

7. Apa yang diharapkan adalah dengan pewujudan '*baby hatch*' Orphancare, wanita-wanita yang ditimpa kesusahan kini mempunyai tempat mengadu, boleh mendapatkan nasihat, kaunseling dan pertolongan yang sepatutnya demi memastikan segala sokongan sosial yang diperlukan dapat diperolehi dalam meneruskan kelangsungan hidup seorang bayi yang tidak berdosa.
  
8. Saya dimaklumkan sejak '*baby hatch*' Yayasan Orphancare ini diperkenalkan pada 2008, seramai 202 bayi telah diselamatkan dan ditempatkan bersama keluarga angkat. Saya melihat penempatan bayi-bayi ini kepada keluarga yang bersesuaian sebagai satu usaha besar ke arah konsep baru perlindungan kanak-kanak iaitu "Pemeliharaan Berasaskan Keluarga", selaras dengan komitmen negara di bawah Artikel 9 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang menekankan bahawa "*kanak-kanak mempunyai hak untuk tinggal bersama kedua ibu bapanya melainkan ia mendatangkan kemudatan dan dalam keadaan tersebut, mereka juga mempunyai hak untuk terus tinggal dalam sebuah institusi*

*kekeluargaan (contohnya melalui pemeliharaan atau pengangkatan)”.*

9. Hak untuk tinggal bersama ibu bapa atau keluarga ini turut dikuatkuasakan melalui sistem perundangan dengan menjadikan institusi kebajikan sebagai pilihan terakhir. Dalam pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 pada tahun 2016, kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan akan diperintahkan oleh Mahkamah untuk ditempatkan dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan ibu atau bapa yang didapati layak dan sesuai.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

10. Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada warga kerja dan sukarelawan Yayasan Orphancare yang telah mencurahkan sepenuh tenaga bagi memastikan anak-anak ini mendapat kasih sayang dan penjagaan yang sempurna sepertimana ibu bapa kita sendiri menjaga kita dikala waktu kecil dahulu. Saya ingin menggesa agar kita semua yang hadir pada hari ini memainkan peranan secara bersepadu dalam memastikan kanak-kanak sentiasa dilindungi dan hak kelangsungan hidup mereka terjamin.

**Sekian, Wabilahi Taufik Wal Hidayah**

**Wa Salamualaikum Wa Rahmatualhi Wa barakathu**